



06 SEP, 2023

Sorok dadah dalam pembalut aluminium

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 1



SAZALI (dua dari kanan) menunjukkan sebahagian dadah jenis ketamin yang dirampas pada sidang akhbar di Sepang semalam.

Kastam rampas ketamin RM1.2 juta dari Asia Tengah

Sorok dadah dalam pembalut aluminium

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

SEPANG – Taktik pengedar dadah yang cuba mengaburi mata pihak berkuasa dengan membalut barang terlarang itu menggunakan kerajang aluminium terbongkar selepas dirampas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini.

Rampasan dadah jenis ketamin seberat 20.14 kilogram (kg) itu dibuat di Pusat Mel dan Kurier KLIA oleh Zon Tengah Unit III, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) pada 28 Ogos lalu.

Dadah bernilai RM1.208 juta itu dikatakan tiba dari negara di Asia Tengah.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan/Pematuhan), Datuk Sazali Mohamad berkata, siasatan mendapati bungkusan itu djalamatkan di Nilai, Negeri Sembilan, namun di-

dapati palsu.

"Alamat itu bukan sahaja palsu, malah jalan yang dinyatakan juga tidak wujud. Pemeriksaan menemui 20 bungkusan plastik berisi serbuk kristal yang diisytiharkan sebagai *pharmaceutical substances* di Pusat Mel dan Kurier KLIA.

"Sekiranya terlepas, dadah tersebut boleh digunakan seramai 100,700 penagih," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Sazali memberitahu, sindiket tersebut cuba mengaburi mata penguat kuasa dengan menyembunyikan dadah dalam kerajang aluminium, namun masih dapat dikesan mesin pengimbas.

Jelasnya, rampasan terbaharu itu bagaimanapun tidak mempunyai kaitan dengan tindakan yang dibuat di KLIA sejak Januari hingga 31 Ogos lalu.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, sebanyak 74 kes rampasan dadah dilakukan di KLIA setakat 31 Ogos lalu membabitkan nilai keseluruhan RM13.39 juta.

"Sebanyak 71 kes membabitkan rampasan kurier, penumpang (dua kes) dan eksport (satu kes).

"Jumlah rampasan dadah terbesar adalah membabitkan ganja iaitu sebanyak 43 kes, methamphetamine (9), heroin (8), eramin 5 (5), MDMA (3) dan dua kes bagi kokain, ketamin dan ekstasi," katanya.

Dalam tempoh sama, seramai enam individu telah ditahan untuk siasatan lanjut, manakala empat lagi suspek pula telah dituduh di mahkamah.

Kes disiasat mengikut Seksyen 39B (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.